

'Kita tak import ikan laut hidup dari Jepun'

HM 26/08/23 MTS II

Kuala Lumpur: Malaysia tidak mengimport ikan laut hidup dari Jepun manakala tahap keselamatan produk makanan ikan bukan hidup dari negara itu sentiasa dipantau.

Ia susulan tindakan Jepun melepaskan air radioaktif dirawat dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik bermula kelmarin menimbulkan kegusaran antarabangsa terhadap keselamatan hidupan laut

Jepun melepaskan air radioaktif dirawat dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik bermula kelmarin menimbulkan kegusaran antarabangsa terhadap keselamatan hidupan laut

Penasihat Khas kepada Menteri Kesihatan, Dr Kelvin Yii Lee Wuen berkata, pihaknya memahami kebimbangan dibangkitkan orang ramai berhubung perkara itu dan Kementerian Kesihatan (KKM) komited sentiasa memantau pintu masuk negara serta pasaran tempatan bagi memastikan keselamatan makanan sentiasa terjamin.

"Jabatan Perikanan mengesahkan, tiada import ikan laut hidup dari Jepun buat masa ini."

"Bagi produk perikanan bukan hidup lain, KKM dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) serta pihak berkuasa lain seperti Jabatan Perkhidmatan Pemeriksaan Kuarantine Malaysia (MAQIS) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa memantau tahap isu keselamatan makanan termasuk pemeriksaan pensijilan kesihatan dan radiasi selepas import," katanya, semalam.

Kelmarin, Jepun melepaskan air radioaktif yang dirawat dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik, walaupun rancangan itu mendapat kritikan he-

bat dan sekatan import makanan laut oleh China, Korea Utara serta Hong Kong.

Bagaimanapun, Jepun kekal dengan pendirian menyifatkan tindakan melepaskan air itu adalah selamat, selain Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), badan pemerhati nuklear Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Julai lalu turut menyatakan ia mematuhi piawaian antarabangsa, selain menjelaskan kesannya terhadap manusia dan alam sekitar adalah 'sedikit'.

Mengulas lanjut, Dr Kelvin yang juga Ahli Parlimen Bandar Kuching berkata, import makanan 'berisiko tinggi' dari Jepun tertakluk kepada pemeriksaan Tahap 4 (pemantauan) bagi menyaring unsur radioaktif, ketika negara itu mula melepaskan air dari loji nuklear berkenaan.

"Ia dilakukan KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan jika berlaku risiko, termasuk memantau import makanan Jepun dari Mei 2011 hingga April 2012, susulan gempa bumi yang membawa kepada kemusnahan tiga kali ganda kepada loji berkenaan," katanya.